

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi membantu persatuan dan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) bagi memupuk kepimpinan baru susulan penurunan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Adakah Kementerian mempunyai inisiatif lain bagi membantu golongan yang tercicir daripada takrifan belia terus aktif berkhidmat dalam masyarakat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak lebih kurang 44% daripada jumlah pemimpin pertubuhan belia berumur di bawah 30 tahun. Ini bermakna, kita telah mempunyai satu kumpulan pemimpin yang telah memenuhi syarat terbaru dalam Akta 668 tersebut.
2. Kementerian Belia dan Sukan telah menggariskan empat strategi bagi membantu pertubuhan belia sedia ada untuk memenuhi pindaan Akta 668.
 - i. Kementerian memberikan masa dan tempoh peralihan yang mencukupi, yang mana tarikh penguatkuasaan pindaan Akta 668 tersebut adalah pada 1 Januari 2022. Jika seseorang pemegang jawatan ses sebuah pertubuhan belia telah dilantik pada tahun 2021 untuk tempoh dua (2) tahun, maka pemegang jawatan tersebut boleh menghabiskan tempoh perjawatannya sehingga tahun 2023. Secara keseluruhannya, pertubuhan-pertubuhan belia sedia ada mempunyai masa dua hingga empat tahun untuk memenuhi pindaan terbaru penurunan umur belia. Untuk makluman juga, perancangan dan perbincangan untuk menurunkan had umur belia telah bermula sejak tahun 2015 lagi.
 - ii. Keduanya, Pejabat Pertubuhan Belia (ROY) sentiasa mengadakan sesi libat urus (*engagement*). Pada tahun ini sahaja, Kementerian telah menganjurkan 15 Bengkel Tadbir Urus Pertubuhan Belia di setiap negeri melibatkan 766 orang peserta secara keseluruhannya. Bengkel tersebut bertujuan untuk memastikan pergerakan pertubuhan belia terus aktif dan mematuhi perkara-perkara yang telah diperuntukkan dalam Akta 668.

SOALAN NO: 11

- iii. Ketiganya, menerusi penyelarasan semula dana kepada pertubuhan belia, Kementerian Belia dan Sukan kini hanya memberikan dana pentadbiran kepada pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dan majoriti/jumlah besar dana tersebut disalurkan sebagai dana aktiviti kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang lain. Ini bagi menggalakkan pertubuhan belia di negara kita supaya bergerak aktif menganjurkan aktiviti, serta melaksanakan program-program di setiap peringkat bagi menarik penyertaan ahli-ahli baharu dalam kalangan belia. Setakat ini, untuk tahun 2019, sebanyak RM14 juta telah disalurkan melalui dana aktiviti ini.
- iv. Keempat, Kementerian Belia dan Sukan meneruskan sesi libat urus (*engagement*) dengan bekas pemimpin-pemimpin persatuan belia, untuk mendapatkan pengetahuan, pengalaman, sebagai usaha memperkuuhkan pergerakan pertubuhan belia. Sebagai contoh, KBS telah bekerjasama dengan Federasi Kebangsaan Pekerja Belia (FKPB) yang berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) yang berperanan sebagai mentor, kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang lain.

Sekian, terima kasih.